

BIODATA

CHE ISMAIL CHE DAUD

Ismail Che Daud yang nama lengkapnya adalah Che Ismail bin Che Daud, lahir pada 13 Mac 1947 di Kampung Meranti, Pasir Mas, Kelantan. Beliau menerima pendidikan di Sekolah Kebangsaan Meranti dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ibrahim 1, Pasir Mas sehingga lulus MCE (1965). Beliau bekerja sambil belajar dan lulus HSC pada tahun 1972. Mula menyertai perkhidmatan kerajaan negeri pada tahun 1980. Sebelum itu beliau pernah bertugas sebagai kerani sekolah di Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra, Kuala Krai (1967-1969) dan Pegawai Kerani Pertahanan (1969-1980), mula-mula berkhidmat di Rej. 506 AW, kemudian di 5 RAMD.

Minatnya dalam bidang penulisan ilmiah dan kajian sejarah tempatan bermula seawal 1972. Tulisan sulungnya tersiar dalam majalah Dian bil. 49 (1972). Penglibatannya bersama siri tokoh ulama Pengasuh terjalin sejak tahun 1979, disamping itu beliau telah menulis puluhan rencana dalam pelbagai penerbitan, monograf, akhbar dan majalah seperti Berita Minggu/Berita Harian, Pengetahuan, Hidayah (Kuala Lumpur), Fajar Islam, Sri Timur, Peristiwa, Warisan Kelantan, Jendela Timur (Kota Bharu). Juga turut menyumbang tulisan untuk projek Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (terbitan DBP). Akan tetapi, serangan "angin ahmar" pada tahun 1994 yang telah melumpuhkan sebahagian badannya banyak menjejaskan kegiatan beliau kebelakangan ini. Beliau tidak pernah menganggotai mana-mana badan penulis tanah air kecuali Persatuan Sejarah Malaysia sebagai AJK Cawangan Negeri Kelantan.

Perpustakaan Negara Malaysia berbangga kerana telah berjaya memperolehi koleksi beliau pada tahun 1997 yang merangkumi bahan-bahan seperti kitab, syair, karya ulamak, majalah dan seumpamanya dalam bidang keagamaan (Islam).